

Gigih menerap langkah lanjutan

**CELOTEH
PAK OTEH**

SUDAH kerap dibincangkan soal kemajuan orang Melayu. Sejak 1955 apabila ditubuhkan Majlis Pelajaran Melayu sehingga seminar yang baru-baru ini diadakan oleh Angkatan Karyawan Islam (AMP), tempohnya sudah 60 tahun. Tapi ke mana kita semua?

Memang Oteh akur orang Melayu masih lagi corot dalam perlumbaan maraton kemajuan. Baru sebuah syarikat anak Melayu di bursa saham. Belum ada bangunan pencakar langit milik orang Melayu. Jauh pula miliki sebuah bank.

Dalam pada itu, masalah orang kita masih banyak lagi. Daripada seperlima rakyat Singapura yang dikatakan 'berpendapatan rendah', memang banyak orang Melayu. Yang terbanyak menagih dadah ialah lelaki Melayu. Yang sering sakit jantung sehingga kencing manis juga orang kita.

Pun sejak 40 tahun, jumlah orang Melayu yang dianggap profesional, pengurus dan teknisyen sudah meningkat daripada 7 peratus menjadi lebih 30 peratus. Malah, semakin ramai juga orang Melayu yang kini memiliki rumah privet.

Jadi, ada kemajuan dicapai walaupun tidak merata.

Dengan begitu banyak kajian akademik, tinjauan dan kehadiran badan Melayu seperti AMP yang muncul bagi menangani masalah, Oteh yakin suatu masa nanti, masyarakat kita akan maju.

Namun ingatlah amaran Ilahi dalam Al-Quran bahawa tidak akan berubah sesuatu kaum, jika ia tidak menanganinya sendiri perubahan tadi.

Ertinya: Sedang kita mengharapkan keharmonian di negara ini dan sokongan tulus pemerintah, akhirnya segala tindakan di tangan kita sendiri.

Bagi orang Melayu yang sudah berjaya, janganlah lokek hulurkan bakti – dari segi wang, masa dan tenaga. Sering-seringlah belai anak yatim atau anak yang diyatinkan oleh ibu bapa yang meringkuk di penjara atau bercecai-berai.

Kita mahu doktor, peguam atau usahawan kita agar singsing lengan turun ke padang ihsan. Apabila mereka yang sudah berjaya dapat 'mengelus' hati masyarakat yang berasa tercampak atau terpinggir, Oteh yakin akan berlaku semacam perubahan besar.

Kita beruntung tinggal di Singapura kerana di sini amalan rasuah sehingga si kaya boleh menindas si miskin tidak berlaku. Tengoklah suasana di sesetengah negara lain termasuk majoriti Muslim seperti di Pakistan dan Mesir

yang suasana masyarakatnya terumbang-ambing. Terkadang kita malu hendak membincangkannya.

Jadi, gunakanlah suasana harmoni ini dengan segera menampilkan langkah-langkah lanjutan bagi meningkatkan citra dan mutu masyarakat kita.

Oteh rasa sudah cukuplah tahap berbincang. Kita mahu usaha lanjutan yang gigih bagi mengetuk pintu rumah flat sewa atau di mana saja ada orang Melayu yang hidupnya tidak keruan.

Ertinya, kita perlukan tenaga relawan yang besar. Sayangnya, kini bila Oteh tengok suasana di beberapa masjid, kurang sekali remaja kita terlibat dalam kegiatannya.

Maaf jika Oteh tersilap.

Oleh itu, kita perlu semarakkan semangat berbakti dalam masyarakat kita sejak daripada usia kecil sampai pesara.

Oleh itu, amat perlu diajarkan kursus mudah dan merangsang bagi menjadi relawan yang tahu serba sedikit mengenai kerja masyarakat di badan Islam dan masjid.

Dalam zaman Rasulullah, bawaja mengajarkan ilmu berdakwah yang termasuk kerja masyarakat kepada para sahabat daripada yang muda seperti Anas bin Malik sehingga yang berumur seperti Abu Bakar. Amalan begini perlu diluaskan.